

# UMS jalin kerjasama penyelidikan

## ► Tangani penyakit BSR dihadapi penggiat industri minyak sawit

UB 28.11.2014 B12

Oleh SITI AISYAH NARUDIN

**KOTA KINABALU:** Kerjasama antara Universiti Malaysia Sabah (UMS) dengan penggiat industri minyak sawit menjadi platform terbaik dalam menangani isu berkaitan penghasilan buah kelapa sawit di negeri ini.

Naib Canselor UMS Prof Datuk Dr Mohd Harun Abdullah berkata, kemunculan penyakit 'Basal Stem Rot' (BSR) yang berpunca dari 'ganoderma boninense' dilaporkan mendatangkan jumlah kerugian terhadap penghasilan buah kelapa sawit.

Menurutnya, setiap tahun industri minyak sawit negara mencatatkan kerugian lebih RM500 juta akibat serangan penyakit BSR terhadap tanaman kelapa sawit.

Sehubungan itu katanya, UMS menerusi Unit Penyelidikan Minyak Sawit Mapan (SPOR) memeterai Surat Perjanjian (LoA) dengan dua syarikat iaitu Agri-

“Sempena dengan LoA ini, SPOR menerima geran bernilai RM153,200 bagi menjalankan kajian berkaitan asid organik yang membantu menangani ganoderma boninense”

**PROF DATUK DR MOHD HARUN ABDULLAH**  
*Naib Canselor UMS*

Biotech Marketing Sdn Bhd dan Kam Cheong Plantations Sdn Bhd.

Beliau berkata, selain memiliki potensi besar dalam industri minyak sawit, kerjasama dengan kedua-dua syarikat berkenaan juga bakal membuka peluang kepada UMS untuk menjalankan penyelidikan bagi menangani penyakit BSR.


“Sempena dengan LoA ini, SPOR menerima geran bernilai RM153,200 bagi menjalankan kajian berkaitan asid organik yang membantu menangani 'ganoderma boninense'.

“Penyelidikan berkenaan juga meliputi kesan terhadap pengeluaran minyak sawit, jenis tanah dan kepelbagaian mikrobiologi,” katanya.

Harun berkata demikian pada majlis menandatangani LoA antara UMS, Agri-Biotech Marketing Sdn Bhd dan Kam Cheong Plantations Sdn Bhd di sini kelmarin. Teks ucapannya disampaikan oleh Pendaftar UMS Datuk Abdullah Said.

Menerusi jalinan kerjasama antara ketiga-tiga pihak, beliau yakin inisiatif yang dijalankan akan membantu kesemua pihak yang terlibat mencapai matlamat yang ditetapkan.

Sementara itu, Pengarah Kam Cheong Plantation Sdn Bhd Cheong Sun Yan berkata, berdasarkan statistik yang dikeluarkan oleh Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB), kira-kira 3.75



**ABDULLAH** (dua kiri) menerima replika cek daripada Lawrence (tengah) dan Cheong (dua kanan) bersama tetamu jempunan lain pada majlis itu.

peratus kawasan tanaman kelapa sawit di Sabah dijangkiti penyakit BSR.

Bagaimanapun sebagai penggiat industri, pihaknya yakin jumlah keluasan kawasan yang dijangkit adalah lebih besar.

Ini kerana katanya, jumlah berkenaan berdasarkan kepada peringkat pertama dan kedua yang diperolehi daripada eksperimen melibatkan buah kelapa sawit.

“Kami berharap

penyelidikan yang dijalankan UMS ini berjaya mendatangkan hasil yang diperlukan memandangkan industri minyak sawit amat memerlukan penawar bagi penyakit berkenaan.

“Selain itu, pendekatan penggunaan asid organik juga mempunyai potensi besar dalam menangani penyakit BSR,” jelasnya.

Turut hadir, Pengarah Agri-Biotech Marketing Sdn Bhd Lawrence Ang.